

1 Ogos 2016

KENYATAAN MEDIA

*oleh Dato' Ir. Jaseni Maidinsa,
Ketua Pegawai Eksekutif,
PBA Holdings Bhd (PBAHB) dan
Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn Bhd (PBAPP)*

KERJA NAIK TARAF DI LOJI RAWATAN AIR SUNGAI DUA HUJUNG MINGGU INI

- **Penutupan separa loji berjadual bermula jam 10.00 malam 6/8/2016 sehingga 10.00 pagi, 7/8/2016 untuk kerja-kerja menaik taraf sistem paip.**
- **Hampir 26,000 pengguna berdaftar di Seberang Prai Utara (SPU) akan mengalami gangguan bekalan air.**

PULAU PINANG, Isnin (1/8/2016): Kerja-kerja paip penting akan dilaksanakan di Loji Rawatan Air Sungai Dua (LRA Sungai Dua), yang merupakan loji rawatan air utama di Pulau Pinang, selama 12 jam pada hujung minggu ini.

Kakitangan Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn Bhd (PBAPP) akan bekerja sepanjang malam untuk menjalankan kerja-kerja menaik taraf *flow meter* dan memasang injap baru dalam sistem paip loji ini. Semua kerja-kerja naik taraf ini akan membantu mengoptimumkan prestasi loji.

Kira-kira 26,000 pengguna air berdaftar di Sungai Dua, Tasek Gelugor, Guar Perahu dan Kepala Batas akan mengalami tekanan air rendah atau terputus bekalan air.

Pengguna-pengguna air di Seberang Prai Tengah (SPT), Seberang Prai Selatan (SPS) dan bahagian pulau TIDAK akan menerima kesan daripada gangguan berkenaan.

LRA Sungai Dua merupakan LRA yang terbesar di Malaysia, dengan reka bentuk output maksimum 1,228 juta liter sehari (MLD). Ia mengeluarkan lebih daripada 80% daripada air terawat yang diperlukan di Pulau Pinang setiap hari.

Loji itu dinaik taraf secara berterusan oleh PBAPP bagi memenuhi segala keperluan bekalan air Pulau Pinang. Oleh sebab itu, objektif utama kerja naik taraf loji pada hujung minggu ini adalah untuk:

- Memastikan bekalan air yang baik dan berterusan 24 jam sehari, pada masa hadapan; dan
- Mengelakkan catuan air di Pulau Pinang ketika musim kemarau.

Gangguan bekalan air selama 12 jam di SPU dari jam 10.00 malam Sabtu sehingga 10.00 pagi Ahad

Bagi melaksanakan kerja-kerja naik taraf berkenaan, PBAPP perlu menghentikan 4 daripada 19 pam angkat tinggi di LRA Sungai Dua.

PBAPP menjangkakan 'penutupan separa' akan memberi kesan kepada perkhidmatan bekalan air di SPU dari jam 10.00 malam Sabtu (6/8/2016) sehingga 10.00 pagi Ahad (7/8/2016).

PBAPP menasihatkan pengguna-pengguna air di Sungai Dua, Tasek Gelugor, Guar Perahu dan Kepala Batas untuk menyimpan air yang mencukupi sepanjang tempoh 12 jam gangguan berjadual itu.

PBAPP telah menjadualkan penutupan separa semalaman 12 jam LRA Sungai Dua ini pada cuti hari minggu untuk meminimumkan kemungkinan kesan ekonomi.

Kami memohon maaf atas sebarang kesulitan yang berlaku kepada pelanggan kami. Gangguan bekalan air ini adalah perlu agar kami dapat menjalankan kerja-kerja paip sekaligus memastikan bekalan air yang baik dan berterusan di Pulau Pinang pada masa akan datang.

Terima kasih.

*Dato' Ir. Jaseni Maidinsa,
Ketua Pegawai Eksekutif,
PBA Holdings Bhd (PBAHB) dan
Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn Bhd (PBAPP)*

Hubungi : Puan Syarifah Nasywa bt Syed Feisal Barakbah
Unit Komunikasi Korporat
Tel : 04-200 6607 Email : syarifah@pba.com.my